

01/08/2003

UUM tawar kemudahan tubuh Institut Pemikiran Dr M

Mohd Feroz Abu Bakar

UNIVERSITI Utara Malaysia (UUM) akan menyediakan kemudahan fizikal terbaik untuk penubuhan Institut Pemikiran Dr Mahathir di kampusnya, Sintok, Kedah, jika mendapat peruntukan daripada Kementerian Pendidikan.

Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Ahmad Fawzi Mohd Basri, berkata institut berkenaan akan menumpukan peranannya sebagai institusi penyelidikan mengenai pemikiran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Selain itu, katanya, institut itu juga akan menganjurkan seminar, persidangan dan kolokium mengenai pelbagai aspek pemikiran Dr Mahathir serta menerbitkan hasil penyelidikan dan perbincangan akademik berkaitan dengannya.

"Hingga kini, UUM belum menerima surat rasmi daripada Kementerian Pendidikan mengenai kebenaran untuk menubuhkan Institut Pemikiran Dr Mahathir itu. Kita hanya mengetahui mengenainya menerusi akhbar.

"Namun, selepas mendapat peruntukan yang sewajarnya, UUM akan mendapatkan peralatan terbaik untuk kegunaan pakar penyelidik dan penerbitan bagi memudahkan mereka beroperasi.

"UUM juga mempunyai pensyarah dalam bidang sains politik, pengurusan dan pentadbiran serta sains pemikiran atau kognitif bagi membangunkan Institut Pemikiran Dr Mahathir.

"Saya menjangka institut ini dapat beroperasi akhir tahun ini dan kita akan mula menganjurkan program berkaitan mulai awal tahun depan," katanya ketika dihubungi di Sintok, Kedah, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Menteri Pendidikan, Tan Seri Musa Muhamad dalam akhbar semalam bahawa kerajaan akan menubuhkan Institut Pemikiran Dr Mahathir itu di UUM.

Institut Pemikiran Dr Mahathir dicadangkan oleh Umno Perlis dan Kelantan ketika Perhimpunan Agung Umno Ke-54, bulan lalu.

Dr Ahmad Fawzi berkata, UUM yang ditubuhkan pada 1994 kini mempunyai sembilan sekolah, iaitu Sekolah Pembangunan Sosial, Sekolah Ekonomi, Sekolah Perakaunan, Sekolah Teknologi Maklumat, Sekolah Sains Kognitif dan Pendidikan, Sekolah Kewangan dan Perbankan, Sekolah Pengurusan Pelancongan, Sekolah Sains Kuantitatif dan Sekolah Siswazah.

Katanya, universiti itu akan menggabungkan pensyarah dalam pelbagai bidang agar penyelidikan mengenai pemikiran Dr Mahathir dijalankan secara mendalam dan meluas.

Beliau berkata, setakat ini belum terdapat penyelidikan atau penerbitan khusus mengenai pemikiran Dr Mahathir yang dijalankan pensyarah universiti itu.

"Pemikiran Dr Mahathir meliputi bidang yang luas merangkumi pentadbiran negara, pengurusan korporat, isu agama, perakaunan dan sosial. Kita perlu meneliti semua aspek ini dan menempatkan pakar terbaik dalam bidang masing-masing," katanya.